



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025

(PENDIDIKAN TINGGI)



www.moe.gov.my

UTUSAN MALAYSIA • SABTU 21 MAC 2015

MUKA 5



Peluang mahasiswa tingkat kemahiran

Oleh MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI

■ KUALA LUMPUR 20 MAC

PELAN Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) Pendidikan Tinggi (PT) yang akan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 7 April ini dilihat dapat memberi peluang kepada mahasiswa untuk meningkatkan kemahiran dalam pelbagai bidang, sekali gus melahirkan generasi dan bakal pemimpin yang mampu memberi impak kepada negara di peringkat global.

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Putra Malaysia (UPM), **Muhammad Hanif Ramlan** berkata, pelaksanaan pelan tersebut yang dirangka dengan teliti oleh Kementerian Pendidikan, dapat melahirkan graduan yang berdaya saing serta berketrampilan untuk memenuhi pasaran kerja di negara ini.

"Kadar pengangguran semakin meningkat jika dilihat melalui statistik terkini. Pelan ini berpotensi untuk mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan mahasiswa selepas menamatkan pengajian menerusi penekanan aspek kendiri seperti keusahawanan yang akan memberi satu anjakan paradigma untuk mereka.

"Pembabitan pelajar yang seimbang di antara bidang kurikku-



MUHAMMAD
HANIF RAMLAN



MUHAMAD ANAS
MISBAHUDDIN



R.KALAI SELVAN

lum dan akademik pula akan mendedahkan mereka kepada aspek kepemimpinan dan kemahiran berkomunikasi yang akan menyiapkan golongan ini selaras tuntutan industri," katanya ketika ditemui pada sidang akhbar baru-baru ini.

Pada masa ini, tambahnya, bidang akademik tidak menjadi satu-satunya kayu ukur dalam menilai tenaga mahir. Sebaliknya, graduan perlu mempunyai semua kemahiran insaniah jika mereka tidak mahu ketinggalan merebut peluang dalam pasaran kerja.

"Pelajar yang cemerlang akademik tidak semestinya mendapat CGPA yang tinggi, malah mereka perlu aktif dalam kurikulum yang mampu membentuk peribadi dan sahsiah diri mereka.

"Elemen tersebut yang lahir

daripada kedua-dua aspek pendidikan dan kurikulum mampu mewujudkan karakter yang berbeza berbanding mahasiswa lain," katanya.

Menyertai Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh baru-baru ini mengumumkan penyelarasan Gred Purata Nilai Kumulatif (CGPA) yang bukan dinilai berdasarkan akademik semata-mata, tetapi turut mengambil kira pencapaian bidang kurikulum.

Sementara itu, Penggerusi Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK) yang juga Presiden MPP Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza), **Muhamad Anas Misbahuddin** berkata, pelaksanaan PPPM(PT) bakal mewujudkan satu ekosistem atau kaedah pembelajaran yang produktif kepada maha-

siswa untuk menimba ilmu.

"Pelaksanaannya adalah satu perubahan yang positif dalam sistem pendidikan negara. Kerajaan telah mengeluarkan kos yang tinggi untuk memastikan semua pelajar menikmati sistem pendidikan yang terbaik," tegasnya.

Dalam usaha menyediakan peluang pendidikan kepada pelajar yang kurang berkemampuan, beliau berkata, pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan dan agensi yang berkaitan untuk memastikan rakyat di negara ini mendapat pendidikan sehingga ke peringkat tertinggi.

"Banyak bantuan kewangan yang disediakan seperti pinjaman pendidikan menerusi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan bantuan lain yang banyakk membantu mahasiswa meneruskan pengajian," katanya.

Muhamad Anas berharap kerajaan dapat memanjangkan segala maklumat berhubung PPPM(PT) kepada pihak berkaitan terutama industri agar pelaksanaannya dapat melibat sama sektor berkenaan sekali gus memberikan impak maksimum dari segi nilai tambah graduan atau mahasiswa.

Dalam pada itu, Timbalan Naib Yang Dipertua Sukarelawan Siswa UPM sesi 2014/2015, **R.Kalai Selvan** tertarik dengan lonjakan kedua PPPM(PT) yang memberi tumpuan kepada kecemerlangan bakat di peringkat pengajian tinggi.



Pembabitan pelajar yang seimbang di antara bidang kurikulum dan akademik pula akan mendedahkan mereka kepada aspek kepemimpinan dan kemahiran berkomunikasi yang akan menyiapkan golongan ini selaras tuntutan industri

MUHAMMAD HANIF RAMLAN

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)
Universiti Putra Malaysia (UPM)



"Harapan saya generasi muda yang terhasil daripada pelan ini nanti merupakan komuniti yang berkualiti tinggi yang diburu oleh industri apabila menamatkan pengajian mereka," ujarnya.

10 LONJAKAN

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025 (PENDIDIKAN TINGGI)



- | | | |
|--|-----------|---|
| | 1 | Graduan Holistik, Keusahawanan dan Seimbang |
| | 2 | Kecemerlangan Bakat |
| | 3 | Masyarakat Yang Belajar Sepanjang Hayat |
| | 4 | Graduan TVET
(Latihan Pendidikan Teknikal & Vokasional) Berkualiti |
| | 5 | Kelestarian Kewangan |
| | 6 | Tadbir Urus Perkasa |
| | 7 | Ekosistem Inovasi |
| | 8 | Kesohoran Global |
| | 9 | Pembelajaran Dalam Talian Secara Global |
| | 10 | Penyampaian Pendidikan Tinggi yang Ditransformasi |